

**DI LEMA TANAH ADAT ABAD KE 20:
TINJAUAN DAERAH REMBAU,
NEGERI SEMBILAN**

ROSWATI BT YAAKUB

**LATIHAN ILMIAH INI ADALAH UNTUK MEMENUHI
SEBAHAGIAN DARIPADA SYARAT MEMPEROLEHI IJAZAH
SARJANA MUDA SASTERA DENGAN KEPUJIAN**

**FAKULTI SAINS KEMASYARAKATAN DAN KEMANUSIAN,
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA,
BANGI, SELANGOR.**

PENGAKUAN

“Saya akui karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan-nukilan dan ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.”

29.4.97

.....
Tarikh



.....
ROSWATI YAAKUB

PENGHARGAAN

Di sini penulis mengambil peluang keemasan ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada penyelia iaitu Profesor Dr.Mahayudin Yahya di atas segala bimbingan dan tunjuk ajar yang diberikan sepanjang penghasilan tesis ini sehinggalah ia menjadi sebuah tesis yang lengkap. Ucapan ini juga ditujukan kepada Datuk Lembaga Sri Selemak, Rembau iaitu Datuk Usman Lanjung, Datuk Mendaliko dan Setiausaha Dewan Keadilan iaitu Datuk Muhammad Ghazali serta tidak lupa juga kepada Encik Sulaiman Kadmi selaaku Pegawai Penyelesai Pusaka di atas kerjasama yang diberikan untuk melengkapkan tesis ini.

Buat suami yang dikasihi, Nik Ahmad Marzuki, segala dorongan dan pengorbanan yang dicurahkan kepada penulis, akan sentiasa dihargai dan sekalung ucapan terima kasih yang tidak terhingga diucapkan. Begitu juga dengan ibu bapa tersayang yang selama ini telah banyak berkorban demi melihat kejayaan penulis, jasa kalian akan tetap dikenang hingga ke akhir hayat.

Tidak ketinggalan juga terima kasih buat kak za, mini dan Amir serta kepada semua yang terlibat dan memberi kerjasama untuk melengkapkan tesis ini. Terima kasih atas segalanya.

ABSTRAK

Adat Perpatih merupakan adat yang unik dan telah sekian lama diamalkan oleh penduduk Negeri Sembilan khususnya dan sebahagian kecil daripada penduduk Melaka umumnya. Adat yang diasaskan oleh Datu Perpatih Nan Sebatang ini mengandungi pelbagai elemen menarik yang terdiri daripada pelbagai aspek seperti politik, sosial, ekonomi dan agama. Salah satu daripada unsur terpenting yang terdapat dalam Adat Perpatih ialah Tanah Adat. Tanah Adat merupakan tanah warisan turun-temurun yang diwarisi mengikut sistem sanak ibu ataupun lebih dikenali sebagai sistem matrilineal. Tanah Adat merupakan harta yang amat berharga dan melambangkan status masyarakat Adat Perpatih yang harus dipertahankan. Ia tidak boleh dijual beli, pindahmilik ataupun digadai melainkan disertai dengan syarat yang telah ditetapkan oleh adat. Sememangnya masyarakat yang kaya dengan adat ini adalah sebuah masyarakat yang amat patuh pegangannya seperti kata pepatah 'Biar Mati Anak Jangan Mati Adat'.

KANDUNGAN

	Halaman
PENGAKUAN	i
PENGHARGAAN	ii
ABSTRAK	iii
KANDUNGAN	iv
RUJUKAN	vii
JURNAL	ix
KERTAS KERJA	x
LATIHAN ILMIAH	xi
TEMUBUAL	xii
BAB 1 PENDAHULUAN	1
1.1 KONSEP ADAT	1
1.2 PEMBAHAGIAN ADAT	2
1.3 LATARBELAKANG ADAT PERPATIH	4
1.4 SEBAB DINAMAKAN ADAT PERPATIH	5
1.5 KONSEP ADAT PERPATIH	
1.5.1 Nilai dan Falsafahnya	6
1.6 LATARBELAKANG TANAH ADAT	10
1.6.1 Konsep Tanah Adat	12

1.6.2	Sistem Pewarisan Tanah Adat	15
1.7	LATARBELAKANG DAERAH REMBAU	
1.7.1	Nama Asal Rembau	16
1.7.2	Kedudukan Rembau	17
1.7.3	Penduduk Awal Rembau	17
1.7.4	Kedatangan Minagkabau ke Rembau dan Negeri Sembilan	18
1.7.4	Kedatangan Minagkabau ke Rembau dan Negeri Sembilan	20
1.7.6	Sistem Pentadbiran Adat di Rembau.	22
BAB 2 SISTEM PEWARISAN ADAT PERPATIH DAN SISTEM		
	PEWARISAN ISLAM	25
2.1	DUA PERSPEKTIF YANG BERBEZA	25
2.2	ASAL-USUL SISTEM NASAB IBU	26
2.3	WARIS DAN PEWARISAN	27
2.4	PEWARIS MENGIKUT KATEGORI HARTA	29
2.5	BERKADIM	32
2.6	HIBAH	35
2.7	SISTEM PEWARISAN ISLAM	36
2.8	SYARAT-SYARAT MEWARISI	37
2.9	HAK-HAK WARIS	38
2.10	SEBAB BAHAGIAN LELAKI DUA KALI GANDA	
	DARIPADA BAHAGIAN WANITA	38

2.11	PERTENTANGAN HUKUM ADAT DENGAN HUKUM SYARAK	40
2.12	SEBAB-SEBAB HUKUM ADAT BERTENTANGAN DENGAN HUKUM SYARAK	41
	BAB 3 PERKEMBANGAN TANAH ADAT	44
3.1	TANAH ADAT PADA ZAMAN AWAL MINANGKABAU DI NEGERI SEMBILAN	44
3.2	TANAH ADAT PADA ZAMAN INSTITUSI BERAJA	48
3.3	PENTADBIRAN BRITISH DI NEGERI SEMBILAN	52
3.4	UNDANG-UNDANG YANG DIPERKENALKAN	54
3.5	UNDANG-UNDANG KHAS BAGI TANAH ADAT	58
	KESIMPULAN	62
	BAB 4 TANAH ADAT TERBIAR	65
4.1	DEFINISI TANAH TERBIAR	65
4.1.1	Tanah Terbiar di Negeri Sembilan	68
4.2	FAKTOR YANG MENYEBABKAN TANAH ADAT TERBIAR	69
	BAB 5 PEMBANGUNAN TANAH ADAT	83
5.1	PENDAHULUAN	83
5.2	TUJUAN PEMBANGUNAN TANAH ADAT	83
5.3	CADANGAN PEMBANGUNAN TANAH ADAT	86
	KESIMPULAN	95

PENDAHULUAN

Bahagian pendahuluan ini akan menjelaskan tentang tujuan kajian, kaedah kajian, bidang kajian, permasalahan kajian dan kajian-kajian lepas. Sebagai salah satu unsur yang berkait rapat dengan adat, tanah Adat mempunyai nilai yang tinggi dari segi kesejarahannya. Dalam konteks ini, Tanah Adat akan dilihat bagaimana sejarah kewujudannya, iaitu dari zaman-berzaman adat ini dijunjung sehinggalah ia kini menjadi satu dilema ataupun masalah yang agak rumit dalam abad kedua puluh ini terhadap pembangunan sosio ekonomi negara.

TUJUAN KAJIAN

Tujuan kajian ini ialah untuk melihat sejauhmana sejarah kewujudan dan pewarisan Tanah Adat ini dalam masyarakat yang mendokong Adat Perpatih di Negeri Sembilan. Amalan pewarisan yang agak berbeza dengan adat lain seperti Adat Temenggung yang diamalkan oleh hampir keseluruhan negeri di Malaysia. Kajian ini juga akan melihat sebab-sebab yang menghalang tanah Adat ini dibangunkan dan apakah ia merupakan satu masalah yang amat ketara dan dapat mengancam pemodenan pada abad kedua puluh ini serta cadangan-cadangan yang dapat dimanfaatkan untuk mengatasi masalah yang dihadapi. Oleh, itu, kajian terhadap Tanah Adat ini merupakan satu kajian yang amat menarik. Ia bertolak dari zaman awal Adat Perpatih diamalkan hinggalah ke hari ini.

KAEDAH KAJIAN

Kaedah kajian utama yang digunakan dalam kajian ini ialah resensi kepustakaan yang meliputi Perpustakaan Tun Seri Lanang (UKM), Perpustakaan Jabatan Sejarah (UKM), Perpustakaan Negeri (Negeri Sembilan), Perpustakaan Pejabat Penasihat Undang-Undang

Negeri Sembilan, Perpustakaan Negara dan juga Arkib Negara bagi mendapatkan bahan-bahan primier dan sekunder dalam bentuk teks, artikel, buku dan mikrofilem.

Seterusnya mendapatkan bahan-bahan seperti statistik dan laporan dari pejabat Tanah Daerah Rembau, Pejabat Daerah Rembau, Pejabat Penasihat Undang-Undang Negeri Sembilan dan Mahkamah Keadilan bagi mendapatkan rujukan-rujukan kes terdahulu. Temubual juga turut diadakan dengan beberapa orang responden seperti Penasihat Undang-Undang Negeri Sembilan, Peguam Persekutuan, Pegawai Daerah Rembau, Penghulu Rembau, Setiausaha Dewan Keadilan, Pemegang-pemegang serta mereka yang terlibat dengan Tanah Adat ini.

BIDANG KAJIAN

Bidang kajian ini difokuskan kepada Tanah Adat yang ada di sekitar Negeri Sembilan amnya dan daerah Rembau khasnya. Skop kajian ini sebenarnya bermula dari awal pegenalan sistem Adat Perpatih di Negeri Sembilan dan perhatian yang lebih spesifik akan diberi kepada sekitar abad kedua puluh ini. Pada zaman ini, Tanah Adat dikatakan turut menyumbangkan masalah terhadap pembangunan kerana ia tidak boleh dimajukan oleh pihak kerajaan mahupun swasta lantaran mendapat tentangan daripada pemiliknya.

Daerah Rembau dipilih sebagai tempat kajian kerana daerah ini merupakan satu daerah yang mempunyai Tanah Adat yang paling banyak di Negeri Sembilan. Tanah-tanah yang banyak ini sebaliknya mempunyai nilai ekonomi tetapi tidak dibangunkan. Penduduk Rembau adalah antara pemegang Adat Perpatih yang amat kuat peganganya. Kepatuhan mereka tidak hanya terbatas kepada soal harta pusaka sahaja malah merangkumi kesemua

hal ehwal yang berkaitan dengan kehidupan mereka. Adat-adat ini tidak boleh dilanggar kerana ia telah diamalkan sejak zaman nenek moyang mereka lagi.

Walaupun jangka waktu kajian ini bermula dari awal Adat Perpatih diperkenalkan di Negeri Sembilan, namun ia hanya menyentuh sebahagian kecil saja jangka waktu tersebut. Abad kedua puluh merupakan kajian spensifik tesis ini kerana pada waktu ini munculnya pembangunan yang pesat di nnnegara ini. Pembangunan ini pastinya meliputi seluruh kawasan bandar dan pinggir-pinggir bandar. Banyak kawasan-kawasan baru yang diterokai oleh kerajaan. Namun dalam penerokaan kawasan-kawasan baru ini pihak-pihak kerajaan tidak dapat lari dari tuan punya tanah yang tidak mahu menyerahkan tanah mereka untuk dimajukan terutamanya pemilik Tanah Adat. Dalam hal ini, penentangan tuan punya Tanah Adat di Rembau akan diketengahkan sebagai bahan kajian tesis ini.

MASALAH KAJIAN

Masalah yang dihadapi di dalam kajian ini ialah kesukaran mendapatkan jawapan atau komen yang menyeluruh daripada responden. Kebanyakan responden yang ditemui tidak mahu memberi komen yangdetail terhadap persoalan yang dikemukakan. ini adalah kerana Tanah Adat berkait rapat dengan adat yang telah sekian lama diamalkan oleh suku-suku tertentu. Ia merupakan isu sensitif yang sukar diperkatakan. Terdapat responden yang bercakap secara berselindung kerana bimbang akan menyinggung pihak-pihak yang tertentu. Malah bagi sesetengah suku yang ekstrim, mereka tidak mahu adat yang mereka junjung sejak dari zaman nenek moyang diberi komen ataupun dikritik oleh pihak lain. Dalam hal ini, pemilihan responden yang sanggup bekerjasama amat diperlukan untuk menjayakan tesis ini.

KAJIAN-KAJIAN LEPAS

Berdasarkan kajian-kajian lepas,terdapat ramai pengkaji yang melihat tentang tanah di Malaysia. contohnya tentang sistem pentadbiran tanah di zaman British, akta tanah dan pengolahan tanah. Saudara Nadzan Haron (1977/78) telah mengkaji tentang Daerah Kuala Pilah Dari Awal Kurun Ke 1800-1957 yang mengkaji Sistem Pentadbiran Tanah Pusaka Masyarakat Adat Perpatih. Walaupun seperti yang dinyatakan terdapat banyak pengkajian yang dibuat terhadap tanah di Malaysia, namun belum ada lagi yang mengkaji tentang Tanah Adat secara spesifik. Maka adalah dirasakan wajar ia dikaji sebagai jawapan kepada persoalan Dilema Tanah Adat pada abad kedua puluh yang membuat tinjauan khusus di Daerah Rembau, Negeri Sembilan. Apa yang penting ialah semoga hasil kajian ini akan dapat memberi pemahaman terhadap pembaca tentang konsep Tanah Adat iaitu dari segi sejarahnya dan penyelesaian tentang permasalahan yang dihadapi berkaitan dengan Tanah Adat ini pada abad kedua puluh ini.

KESIMPULAN

Secara keseluruhannya kajian ini diharapkan agar dapat melihat dengan jelas sejauh mana Tanah Adat ini dapat difahami oleh masyarakat. Walaupun zaman silih berganti namun tidak dapat dinafikan Adat Perpatih yang diamalkan masih lagi kukuh tersemat di jiwa pengamalnya. Mereka masih lagi berpegang teguh pada adat yang telah sekian lama mereka junjung. Oleh itu, sebarang pantang larang yang terdapat dalam adat tidak dapat dilanggar termasuklah mempertahankan hak mereka terhadap Tanah Adat. Walaupun diberi ganjaran yang besar oleh pihak tertentu namun, ini tidak dapat membeli nilai Tanah Adat masyarakat

Adat Perpatih. Lantaran ketaksuban inilah, telah menimbulkan dilema pada abad kedua puluh ini yang mana Tanah-Tanah Adat ini turut menyumbangkan masalah kepada penghalang pembangunan negara. Pihak yang terlibat haruslah menyelesaikan masalah ini dengan bijak dan secara diplomasi kerana hak-hak orang lain tidak dapat dicabuli di samping menghormati adat yang diamalkan oleh masyarakat tertentu.

BAB 3

PERKEMBANGAN TANAH ADAT

3.1 TANAH ADAT PADA ZAMAN AWAL MINANGKABAU DI NEGERI SEMBILAN

Sewaktu kedatangan orang-orang Minangkabau dari Sumatera Barat ke Negeri Sembilan, terdapat banyak hutan tebal yang masih belum diterokai oleh penduduk tempatan. Orang-orang Minangkabau ini kemudiannya meneroka tanah-tanah tersebut untuk dijadikan kampung halaman dan sawah ladang. Penerokaan tanah itu terus berkembang sejajar dengan bilangan orang Minangkabau yang semakin ramai datang. Pada zaman tersebut, masih belum ada peraturan yang sempurna tentang pemilikan tanah;

Sebidang tanah terbalik
 Sehelai akar yang putus
 Sebatang yang rebah
 Adat dengan pesaka belum diadakan⁷⁰.

⁷⁰ Sulaiman Kadimi, Pentadbiran Tanah Adat di Negeri Sembilan, Kertas Kerja Pejabat Tanah dan Galian, Seremban, 1990, halaman 2.

Ada pendapat yang menyatakan bahawa asal pemilikan tanah oleh orang-orang Minangkabau di Negeri Sembilan bermula apabila mereka ini dikatakan berkahwin dengan anak perempuan orang asli. Melalui perkahwinan itulah mereka menguasai tanah-tanah yang kemudiannya menjadi kepunyaan suku sakat mereka yang dikenali sebagai suku Biduanda. Apabila suku yang lain datang, suku-suku yang mahu mendapat tanah mesti melakukan tebus tanah. Penebusan ini bukanlah dalam bentuk jualbeli, tetapi merupakan pemindahan mengikut kebiasaan sebagai sati pengakuan terhadap suku yang terdahulu. Tanah-tanah yang ditebus itu sama ada diduduki atau tidak akan terus dikuasai oleh penebus dan keturunan mereka⁷¹.

Tidak ada undang-undang pemilikan tanah yang khusus pada zaman tersebut. Pendatang-pendatang hanya dapat memiliki tanah dengan hanya mengakui mana-mana kawasan daripada hutan menjadi miliknya. Ini akan terus diakui oleh orang lain bahawa tanah itu adalah milik si peneroka tadi setelah dia menebas, menabang dan menetap di atas tanah tersebut⁷².

Pendapat lain pula menyatakan bahawa tanah-tanah di Negeri Sembilan mula dikuasai oleh orang Minangkabau setelah Datuk Lembaga atau Ketua Suku orang-orang Minangkabau itu menebus atau membeli tanah dari orang asli. Penebusan atau pembelian itu hanya dengan memberikan sehelai kain, senjata dan sebiji belanga kepada orang asli. tanah

⁷¹ Abdul Ghapa Harun. Enakmen Tanah Simpanan Masyarakat Melayu dan Perlaksanaannya di Negeri Sembilan Hingga 30an, Jabatan Sejarah, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor, halaman 26.

⁷² Che Wan Rohaya Ramli. Tanah Adat di Negeri Sembilan: Satu Kajian Sosio Perundangan, Fakulti Undang-Undang, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor, halaman 10.

ini kemudiannya dibahagikan kepada tiap-tiap orang ahli sukunya untuk diduduki dan dikerjakan⁷³.

Setelah berkampung dan berladang di satu-satu kawasan, mereka kemudiannya mempunyai peraturan-peraturan di dalam kehidupan sehari-hari. Maka, segala adat dan peraturan tentang pemilikan tanah telah tercipta;

Tatkala kampung sudah bersudut
Sawah sudah berjinjang
Pucuk sudah meliok
Pinang sudah berjijir
Adat dengan pesaka diadakan⁷⁴.

Tanah yang diterokai ditanam dengan tanaman saradiri seperti padi huma dan padi sawah kerana ia merupakan makanan asas penduduk pada waktu itu. Tanaman ini diwarisi turun-temurun di atas tanah milik keluarga. Proses penyediaan tapak sawah memakan masa yang panjang iaitu lebih kurang dua tahun. Dalam jangka masa inilah kerja-kerja menebas, menebang dan membakar hutan dilakukan. Ia memakan masa yang agak lama kerana masyarakat pada waktu itu tidak mempunyai teknologi pertanian yang dapat membantu mereka mempercepatkan proses penyediaan tapak sawah. Setelah itu, kerja-kerja penanaman padi dilakukan. Sementara menunggu padi masak, mereka menanam pokok kelapa, ubi dan pisang untuk dimakan.

⁷³ Abdul Ghapa Harun. *Enakmen Tanah Simpanan Masyarakat Melayu dan Perlaksanaannya di Negeri Sembilan Hingga 30an*, halaman 27.

⁷⁴ Sulaiman Kadimi. *Pentadbiran Tanah Adat di Negeri Sembilan*, halaman 1.

Setelah padi masak, kerja-kerja menuai dilakukan dengan penuh istiadat. Pada musim menuai inilah masyarakat telah memperlihatkan faktor sosial, kebudayaan, kepercayaan dan agama yang mereka anuti pada waktu itu. Nilai-nilai baik dalam Adat Perpatih turut disemai seperti gotong-royong dan berganding bahu melakukan sesuatu pekerjaan.

Di samping padi sawah yang ditanam secara tetap, padi huma juga turut ditanam oleh golongan yang suka berpindah-randah. Padi huma tidak memerlukan kawasan yang luas dan boleh ditanam dengan tanaman yang lain bersebelahannya seperti pokok piasang dan kelapa. Petani akan menetap di suatu tempat sementara menunggu padi masak dan setelah itu mereka akan berpindah ke tempat lain untuk membuka kawasan tanaman dan penempatan baru⁷⁵.

Jika dikaji posisi awal penempatan Minangkabau ini, ternyata mereka tidak memilih kawasan-kawasan yang berada di tepi sungai untuk dijadikan penempatan. Ini adalah kerana semasa mereka mendarat di Tanah Melayu, keadaan di sini tidak aman kerana sering berlaku peperangan antara Melaka dengan Portugis, kedatangan Belanda dan kedatangan Inggeris. Oleh sebab itu perantau ini merasakan tempat-tempat yang jauh lebih sesuai dan selamat untuk dijadikan penempatan.

Perbezaan isi kandungan Adat Per[patih dan Adat Temenggung juga menyebabkan wujudnya dua penempatan yang berbeza. Datuk Perpatih telah menetapkan pengikut-pengikutnya membuat penempatan di hulu-hulu sungai manakala Datuk Temenggung pula

⁷⁵ Afandi Nordin, Undang-Undang Adat Tanah, Jabatan Sejarah, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor, halaman 35.

telah menetapkan penerokaan kampung halaman yang bertempat di pesisir pantai supaya tidak timbul pergolakan antara pengikut masing-masing.

3.2 TANAH ADAT PADA ZAMAN INSTITUSI BERAJA

Setelah munculnya institusi beraja, sifat kedaulatan dan kekuasaan raja amat ketara. Rakyat mencurahkan perasaan penuh taat setia tanpa berbelah bahagi kepada raja. Ditambah pula dengan dogengan raja yang berasal dari keturunan dewa-dewi dan dianggap suci mulia. Raja juga dianggap khalifah Allah di muka bumi ini. Oleh itu, segala yang terdapat di muka bumi ini dianggap milik raja termasuklah tanah.

Tanah dianggap harta yang kekal. Ia merupakan punca dan tempat mencari rezeki pada zaman dahulu. Di atas tanahlah pokok-pokok ditanam sebagai sara diri dan keluarga. Penggunaan tanah oleh rakyat dianggap menumpang sahaja. Mereka hanya memiliki tanah yang kecil saja keluasan. Biasanya peneroka yang awal saja memiliki tanah yang luas. Pendatang selepas itu hanya memiliki tanah sekadar cukup untuk menanam tanaman sara diri sahaja. Hanya golongan bangsawan seperti raja dan pemerintah sahaja bebas memiliki tanah yang luas dan luasnya tanah yang dimiliki adalah lambang kekuasaan seseorang pada zaman tersebut.

Tanah yang dimiliki oleh rakyat biasanya tidak luas iaitu tidak melebihi dua ekar. Tanah-tanah tersebut berada di bawah kawalan raja. Raja berhak membahagikan tanah kepada rakyat mengikut keperluan dan kadangkala mengenag jasa mereka yang telah

berkorban demi negara. Walaupun pemilik mempunyai milik yang sah ke atas tanah, mereka masih lagi tertakluk kepada undang-undang yang dibuat oleh pemerintah. Cukai tanah mestilah dibayar kepada raja melalui orang perantaraan yang dilantik sebagai wakil untuk memungut cukai. Di antara mereka yang berhak mengutip cukai ialah Penghulu, pembesar, ketua-ketua Adat seperti Datuk Lembaga dan Buapak.

Jumlah cukai yang dikutip adalah berdasarkan keluasan tanah yang dimiliki. Tanah pada waktu tersebut tidak mempunyai batu sempadan dan geran seperti hari ini. Tidak ada petunjuk khusus yang digunakan untuk dijadikan tanda pemisah antara seorang pemilik dengan pemilik yang lain. Cuma pokok-pokok seperti kelapa dan rambutan ditanam sebagai sempadan. Bagi sawah padi, batas-batas dijadikan pemisah⁷⁶. Cukai yang biasa dikenakan ialah satu persepuluh daripada hasil tanah dan tidak diberi dalam bentuk wang. Ia berdasarkan kepada bentuk tanaman yang ditanam. Contohnya jika seorang petani menanam padi, dia harus memberi satu persepuluh daripada hasil padi yang sudah masak. Padi inilah dibayar sebagai cukai tanah kepada pemerintah.

Selain daripada cukai tanah, pemerintah juga berhak mengerah tenaga rakyat untuk melakukan kerja-kerja istana dan negeri. Jika negeri memerlukan tenaga rakyat, kerahan tenaga akan dilakukan melalui ketua-ketua kampung. Ketua kampung akan memilih beberapa orang pemuda yang akan dikumpulkan bersama penduduk kampung lain bagi

⁷⁶ Abdul Samad Idris, 1994, Adat Perpatih Nilai dan Falsafahnya 'Biar Mati Anak Jangan Mati Adat'. Seminar Kertas Kerja Seminar Adat Perpatih 26 - 28 Disember Port Dickson, Negeri Sembilan, 1994 halaman 50.

mengerjakan perintah raja. Ini adalah salah satu kekuasaan raja terhadap tanah yang diduduki oleh rakyat yang mana ia turut dianggap sebahagian daripada cukai tanah.

Seseorang pemilik akan terus menjadi pemilik yang sah ke atas tanahnya selagi ia mengerjakan tanah tersebut. Dia perlu menjaga tanahnya dengan baik, menebas semak samun, membayar cukai kepada pemerintah serta tidak membiarkan tanahnya kosong tanpa sebarang tanaman. Jika tanah tersebut dibiarkan dan tidak dikerjakan selama tiga tahun, haknya ke atas tanah tersebut akan terbatal secara automatik. Pemerintah berhak memberi tanah itu kepada orang lain yang lebih memerlukannya. Ada juga undang-undang yang membenarkan orang lain meneroka tanah yang dibiarkan kosong. Sesiapa yang meneroka akan menjadi pemilik tanah yang sah. Namun, keadaan ini hanya berlaku di beberapa tempat sahaja. Pengamal Adat Perpatih akan terus mempertahankan tanah mereka kerana ia dianggap sebagai Lambang status atau darjat mereka.

Amalan menjual tanah kepada orang yang luar daripada suku dianggap sebagai menggugat keuntuhan suku. Ini adalah kerana tanah merupakan harta yang paling berharga untuk mengekalkan keuntuhan adat. Penjualan tanah yang tidak terkawal akan mewujudkan ahli suku yang tidak bertanah. Ketua suku adalah orang yang bertanggungjawab memastikan ahli suku mematuhi peraturan yang telah ditetapkan oleh adat. Ketua suku juga berkuasa menyingkirkan mereka yang dianggap mencemarkan adat dengan cara ini sahaja keuntuhan adat dapat dikekalkan⁷⁷.

⁷⁷ Abdul Ghapa Harun. Enakmen Tanah Simpanan Masyarakat Melayu dan Perlaksanaannya di Negeri Sembilan Hingga 30an, halaman 31.

Walaupun Raja merupakan pemerintah yang mutlak namun, peranan yang lebih penting dalam mentadbir harta pusaka seperti tanah dimainkan oleh Datuk Lembaga yang merupakan wakil kepada suku. Beliau berkuasa sepenuhnya sebagai penjaga Tanah Adat. Beliau berperanan menyatukan anak-anak buahnya dalam menentukan siapa yang menguasai dan memiliki tanah, menentukan sistem pewarisan dan pembahagian harta sukunya. Dalam erti kata lain, datuk Lembaga merupakan orang yang pertama dan paling penting untuk dijadikan rujukan dan tempat mengadu sekiranya berlakunya pertikaian dan perselisihan tentang pembahagian harta atau tanah⁷⁸.

Adat Perpatih telah menetapkan anak perempuan sebagai pewaris yang sah ke atas Tanah adat. Tanah ini akan terus diturunkan melalui sistem nasab ibu. Anak lelaki berhak mengerjakan tanah untuk faedah keluarga sahaja iaitu untuk menyara anak dan isterinya. Dia juga berhak menikmati hasil tanam-tanaman dan binatang yang hidup di atas tanah tersebut. Kadangkala kaum lelaki yang mengerjakan tanah akan mendapat upah hasil dari penat lelahnya. Sistem pewarisan ini berterusan hingga ke hari ini yang menetapkan wanita sebagai pemilik tanah Adat yang sah. Ada juga perubahan yang cuba dibuat oleh Inggeris semasa memerintah Tanah Melayu yang menggalakkan pemilikan tanah Adat oleh kaum lelaki tetapi cubaan ini telah ditentang hebat oleh rakyat yang berpegang kuat kepada ikatan adat.

⁷⁸ Che Wan Rohaya Ramli. Tanah Adat di Negeri Sembilan: Satu Kajian Sosio Perundangan, halaman 12.

3.3 PENTADBIRAN BRITISH DI NEGERI SEMBILAN

Setelah menguasai Tanah Melayu, British cuba menguasai negeri-negeri di Tanah Melayu secara berperingkat-peringkat sehingga dapat menguasai hampir kesemua negeri di negara ini termasuklah Negeri Sembilan. Di Negeri Sembilan, perluasan pengaruh British juga secara berperingkat-peringkat. Daerah yang mula-mula sekali menerima pengaruh British ialah Sungai Ujong pada 1874. Pengaruh ini terus meluas ke Jelevu, Kuala Pilah dan akhirnya Rembau. Rembau dan Kuala Pilah kemudiannya diletakan di bawah pengaruh British pada tahun 1889. Pada Ogos 1895, kesemua daerah di Negeri Sembilan telah disatukan di bawah satu pentadbiran seorang Residen British⁷⁹.

Setiap daerah ditadbir oleh seorang Pegawai Daerah yang bertanggungjawab ke atas semua urusan pentadbiran yang berhubung dengan tanah seperti menguruskan pendaftaran, memungut hasil tanah, menguruskan pemindahan hak milik, mengendalikan kes-kes tuntutan ke atas hak milik tanah dan sebagainya.

British sebenarnya sentiasa memerhatikan perkembangan yang berlaku di negeri-negeri yang berada di bawah pentadbirannya. Dalam hal yang berkaitan dengan tanah, British mengambil kira peraturan adat dalam menguatkuasakan sistem pentadbiran tanah yang mereka perkenalkan. British sentiasa berpandu kepada adat yang diamalkan oleh penduduk tempatan dalam melaksanakan semua urusan pembahagian dan pewarisan harta. Adat masih dijadikan panduan dalam pentadbiran tanah di Negeri Sembilan⁸⁰.

⁷⁹ Nadzan Harun, *Pentadbiran Tanah Masyarakat Adat di Kuala Pilah 1877-1957; Suatu Kajian Dari Perspektif Sejarah*, Negeri Sembilan, 1994 halaman 9.

⁸⁰ Ibid, halaman 9.

Pada zaman pentadbiran British, harga tanah sudah mula meningkat dan boleh dijaadikan aset untuk menambahkan harta. Penawaran harga yang tinggi ke atas yang dimiliki oleh petani sekiranya tidak dikawal boleh menyebabkan berlakunya penjualan tanah yang berleluasa. Ini boleh mewujudkan petani yang tidak bertanah. Jika keadaan ini berterusan ia akan mengancam kedudukan British sendiri kerana kemelesetan ekonomi dan kemunduran di kalangan rakyat boleh menimbulkan pemberontakan dan keadaan huru-hara. Oleh sebab itu British sedaya upaya cuba mengadakan pelbagai peraturan untuk mengawal sebarang bentuk urusan tanah rakyat dengan orang asing⁸¹.

Pegawai British menjalankan tidakan secara berhati-hati dalam hal pentadbiran yang menyentuh adat tempatan. Cukai tidak dinaikkan secara mendadak kerana dikhuatiri rakyat akan memberontak. Segal perubahan yang ingin dilaksanakan oleh pegawai British harus mengambil kira dari semua segi, khususnya perkara yang berkaitan dengan adat dan agama. ini dalah kerana orang Melayu amat sensitif jika hal ehwal adat dan agama mereka diganggu orang luar.

British juga telah mengekalkan sistem pewarisan dan pembahagian tanah sesuatu masyarakat itu dalam pentadbiran yang mereka perkenalkan. Ia berdasarkan kepada Prinsip Undang-Undang Am (The General Principal of law) yang menetapkan pembahagian dan pewarisan harta seseorang mesti mengikut adat dan agama yang dianuti oleh individu tersebut⁸².

⁸¹ Abdul Ghapa Harun. Enakmen Tanah Simpanan Masyarakat Melayu dan Perlaksanaannya di Negeri Sembilan Hingga 30an, halaman 10.

⁸² Ibid, halaman 11.

Tetapi jika dikaji secara mendalam, kita dapati dengan jelas sikap British yang lebih memetingkan ekonomi mereka sendiri. Pentadbiran tanah yang diperkenalkan oleh British secara langsung merupakan satu faktor yang menyempitkan lagi pergerakan orang-orang Melayu untuk menguasai tanah. Sepanjang pemerintahan British, tidak terdapat sebarang usaha yang benar-benar berkesan untuk mengubal undang-undang tanah. Undang-undang yang diperkenalkan sentiasa berubah. Di antara tujuan British berbuat demikian ialah untuk menyesuaikan dengan perkembangan ekonomi supaya dapat menarik pemodal-pemodal asing⁸³.

3.4 UNDANG-UNDANG YANG DIPERKENALKAN

Undang-undang yang berhubung dengan Tanah Adat (Customary Land) di Negeri Sembilan dipadankan dari Undang-Undang Customary Land yang terdapat di Negeri-Negeri Selat dan Negeri Selangor. Pada tahun 1881, Maxwell telah dihantar untuk mengadakan lawatan sambil belajar ke Pejabat-Pejabat Tanah di Australia, Ceylon dan Burma. Setelah kembali ke tanah Melayu, beliau telah mencadangkan supaya Pendaftaran hak Milik dilaksanakan mengikut Sistem Torrens seperti yang dipraktikkan di Australia.

Mengikut sistem ini, sistem pendaftaran bagi pemindahan hak milik dan penyukatan tanah dikuatkuasakan di bawah pengelolaan Jabatan Kerajaan. Ia bertujuan untuk memudahkan urusan berkaitan dengan tanah dan menjamin pengekalan hak milik tuan punya

⁸³ Abdul Ghapa Harun. Enakmen Tanah Simpanan Masyarakat Melayu dan Perlaksanaannya di Negeri Sembilan Hingga 30an, halaman 36.

tanah yang telah didaftarkan. Setiap dokumen hak milik yang dikeluarkan adalah sah dan dilindungi undang-undang. Setiap hak milik mestilah didaftarkan dengan jelas dan mesti direkodkan ke dalam Pejabat Awam dari semasa ke semasa mengenai urusan seseorang⁸⁴.

Sistem Torrens yang diperkenalkan ini ternyata mempunyai perubahan yang besar ke atas pemilikan tanah oleh orang-orang Melayu. Konsep milik tanah oleh orang Melayu selama ini yang merupakan satu konsep yang longgar telah bertukar kepada sistem Torrens yang menghendaki semua milik tanah didaftarkan. Ini mengetatkan lagi soal pemilikan tanah oleh masyarakat adat. Ia juga boleh mendatangkan kesan buruk ke atas hubungan orang Melayu dengan tanah serta memecahkan konsep pemilikan tanah sebelumnya. Cara pemilikan tanah yang baru ini juga boleh menyebabkan pemilik-pemilik tanah dengan mudahnya melepaskan hak milik tersebut lantaran tanah sudah menjadi aset yang mempunyai nilai ekonomi yang tinggi dan dapat dijadikan sebagai bahan urusan niaga.

Mengikut peraturan-peraturan tanah yang terkandung dalam Perintah (Order) 9 April 1887, Tanah Adat telah diletakkan di bawah peraturan-peraturan tanah Kelas 2 iaitu tanah yang diduduki oleh Bumiputera. Tanah Adat mesti didaftarkan di Pejabat Tanah Daerah, diukur dan ditetapkan cukainya. Tuan punya tanah diwajibkan membayar cukai tanah pada tiap-tiap awal tahun. Pemungut Hasil Tanah merupakan orang yang bertanggungjawab mengutip cukai. Bermula dari sinilah peranan-peranan Ketua Adat dalam urusan pentadbiran tanah dihapuskan⁸⁵.

⁸⁴ Nadzan Harun, *Pentadbiran Tanah Masyarakat Adat di Kuala Pilah 1877-1957; Suatu Kajian Dari Perspektif Sejarah*, Negeri Sembilan, 1994 halaman 10.

⁸⁵ Ibid, halaman 14.

Tanah-tanah yang terdapat di Negeri Sembilan sebelum ini sebenarnya tidak mempunyai sempadan atau batu pemisah. Tetapi setelah British mentadbir urusan tanah, batu sempadan telah ditanam sebagai pemisah antara tanah. ini adalah untuk memudahkan lagi urusan mengutip cukai oleh British. Penandaan batu sempadan ini juga disertai dengan pemberian geran kepada tuan punya tanah sebagai pemilik yang sah.

Di atas nama geran tersebut dicatitkan nama pihak perempuan iaitu nama tuan punya tanah itu. manakala nama pihak lelaki juga turut dicatat di belakang geran sebagai orang yang boleh menikmati hasil tanah tersebut. Pada awal peraturan ini diperkenalkan, tidak timbul sebarang kekecohan di kalangan pihak lelaki kerana masing-masing sudah memahami prinsip dan kehendak adat yang mereka amalkan. Akan tetapi keadaan sebaliknya berlaku setelah kematian orang-orang tua mereka. Perebutan harta dan pengaruh wang ringgit telah mengakibatkan timbulnya persengketaan dan perasaan tidak puas hati di kalangan orang semenda yang berlagak mengenepikan tempat semendanya. Maka, timbullah persoalan tentang prinsip pembahagian harta di dalam Adat Perpatih yang menyalahi hukum Syarak.

berbalik kepada undang-undang yang diperkenalkan oleh British, selepas memperkenalkan Land Regulations 1887, British telah memperkenalkan pula General Land Regulations pada 1889. Mengikut Peruntukan Peraturan 22, seseorang yang ingin membuat tuntutan haknya ke atas tanah mestilah memberitahu kepada Lembaga atau suku berkenaan untuk tindakan selanjutnya di Pejabat Tanah.

Pada tahun 1897 pula, Succession To Land Enactment telah di perkenalkan. Tujuan enakmen ini adalah untuk memberi panduan kepada Pemungut Hasil Tanah mengenai kuasa-kuasa yang ada padanya dalam menyelesaikan masalah tanah. Undang-undang Pusaka kecil (tanah yang tidak melebihi \$500 nilainya) juga turut terkandung dalam enakmen ini dan berada di bawah bidang kuasa Pemungut Hasil Tanah. Mengikut enakmen ini, penyelesaian tanah yang tidak melebihi nilai \$500, itu adalah di bawah kuasa Pemungut Hasil Tanah saja. Ia tidak boleh dibawa ke Mahkamah Awam kerana memandangkan tanah yang dimiliki oleh masyarakat adat tidak melebihi \$500 nilainya⁸⁶.

Jadual A

Jadual Keluasan Tanah Adat di Negeri Sembilan

<u>Daerah</u>	<u>Bil.Hak Milik</u>	<u>E.</u>	<u>R.</u>	<u>P.</u>
Jelevu	63	96	3	32.25
Kuala Pilah	9,973	18,000	1	31.43
Jempol	759	1,699	3	227
Renbau	8,587	12,680	2	37.26
Tampin	992	2,072	0	33.5
JUMLAH	20,374	34,550	0	37.85

Data Pada tahun 1990.

Sumber: Jabatan Ukur Negeri Sembilan.

⁸⁶ Nadzan Harun, Pentadbiran Tanah Masyarakat Adat di Kuala Pilah 1877-1957; Suatu Kajian Dari Perspektif Sejarah, Negeri Sembilan, 1994 halaman 14.

Jadual A di sebelah menunjukkan jumlah keluasan Tanah Adat di Negeri Sembilan mengikut Daerah. Bilangan hak milik tanah Adat secara keseluruhan di Negeri Sembilan ialah 20,344 manakala jumlah keluasan Tanah Adat seluruh Negeri Sembilan ialah 34,550 ekar. Jumlah bilangan lot pula ialah 20,458. Jumlah keluasan yang berbeza-beza ini disebabkan oleh beberapa faktor seperti jumlah keluasan daerah tersebut (keluasan keseluruhan), akibat pembahagian antara waris-warisan yang berhak, dan ada di antara geran itu mengandungi lebih daripada satu nama atau kepunyaan bersama.

3.5 UNDANG-UNDANG KHAS BAGI TANAH ADAT

Pada tahun 1909, undang-undang khas bagi tanah Adat telah digubal. Undang-undang ini dinamakan Customary Tenure Enactment (CTE) 1909 (Enactment No: 17 of 1909) yang mula dikuatkuasakan pada 1 November 1909. Seksyen 3 undang-undang ini telah menetapkan bahawa tanah yang diiktiraf sebagai Tanah adat tidak boleh dipindah milik, digadai atau diwariskan kecuali dengan peraturan adat. Segala bentuk urusan yang dilakukan mestilah di dalam batas-batas yang ditetapkan dalam CTE. ketua Adat dan Pemungut Hasil Tanah merupakan orang yang bertanggungjawab sepenuhnya bagi melaksanakan pembahagian Tanah Pusaka. namun, undang-undang ini boleh dikatakan tidak berjaya kerana tidak menepati ciri-ciri yang sepatutnya dan tidak dapat memuaskan hati pemilik Tanah Adat⁸⁷.

⁸⁷ Sulaiman Kadimi. Negeri Sembilan Mengikut Perspektif Adat. Kertas Kerja Pejabat Pengarah Tanah dan Galian, Seremban, 1990, halaman 3.

Pengaruh Ketua Suku dan Ketua Adat keatas pentadbiran tanah semakin lemah. Ini adalah kerana sistem pentadbiran tanah yang digubal oleh British telah menggantikan peranan Ketua Adat. Pegawai-pegawai British yang menguatkuasakan undang-undang ini sebenarnya tidak memahami sepenuhnya prinsip Adat Perpatih. British cuba menyesuaikan corak pentadbiran tanah yang mereka amalkan di negara-negara jajahan mereka yang lain sedangkan corak pentadbiran Tanah Adat amat berbeza sekali dengan corak pentadbiran tanah di negeri-negeri tersebut.

Pada umumnya British telah menentang keseluruhan corak sistem pewarisan tanah secara adat terutamanya hak istimewa wanita terhadap Tanah Adat dan menganggapnya sebagai perkara yang luarbiasa. Oleh itu, untuk mengubah corak tersebut, British telah cuba memperkenalkan sistem hak milik individu ke atas tanah. Ini merupakan satu perubahan radikal yang nyata amat bertentangan dengan prinsip Adat Perpatih.

British juga telah menggalakkan orang-orang lelaki membeli tanah dan mendapatkan hak milik terhadap tanah. Tanaman komersil juga digalakkan diperluas untuk meningkatkan ekonomi. Secara tidak langsung peranan Undang sebagai Ketua Negeri dan waris-waris tanah, Lembaga sebagai penjaga tanah suku telah kehilangan hak ke atas tanah waris dan hutan dara⁸⁸.

Undang-undang 1909 telah diganti dengan CTE Chapter 215 (Enactment No.1 of 1926) yang berkuatkuasa pada 1 Disember 1926. Enakmen ini mengandungi 25 seksyen dan

⁸⁸ Abdul Ghapa Harun. Enakmen Tanah Simpanan Masyarakat Melayu dan Perlaksanaannya di Negeri Sembilan Hingga 30an, halaman 207.

pemakaiannya adalah untuk tanah-Tanah Adat dalam daerah Kuala Pilah, Rembau, Jempol dan Jelevu.

Seksyen 7 undang-undang ini menetapkan bahawa Tanah Adat dan apa-apa kepentingan di dalam tidak boleh dipindah milik, di wariskan dan dipajak kecuali kepada orang perempuan yang menjadi anggota salah satu daripada dua belas suku yang terdapat di Negeri Sembilan. Suku-suku yang dimaksudkan ialah Biduanda (waris atau Dayang), Batu Hampar, Sri Melenggang, Tanah Datar, Selemak (Pahang atau Minangkabau), Mungkal, Tiga Batu, Tiga Nenek, Paya Kumbuh. Anak Melaka, Anak Aceh dan Batu Belang⁸⁹.

Enakmen pegangan Adat Chapter 215 ini juga telah menetapkan penguatkuasaan mengenai urusan tanah Adat. Ia adalah sama seperti yang telah ditakrifkan oleh Kanun Tanah Negera 1965 iaitu urusan untuk pindah milik, sewaan bebas daftaran, cagaran, pajakan, lien serta ismen⁹⁰.

Pemindahan bermaksud pindah milik antara orang yang hidup dengan hidup, turun milik melalui warisan, gadaian, perwujudan sesuatu lien, perwujudan amanah, permansuhan sesuatu caveat atau apa-apa bentuk urusan lain atau pelupusan dari apa-apa juga perihal atau jenis. Pemajakan pula termasuk tenansi dari apa-apa jua bentuk atau jangka masa⁹¹.

Di dalam Seksyen 10 enakmen ini, seseorang yang menuntut untuk mewarisi hak milik adat boleh memohon kepada Pemungut untuk merekod dirinya dalam daftar mukim

⁸⁹ Sulaiman Kadimi. Pentadbiran Tanah Adat di Negeri Sembilan, halaman 4.

⁹⁰ Che Wan Rohaya Ramli. Tanah Adat di Negeri Sembilan: Satu Kajian Sosio Perundangan, halaman 65.

⁹¹ Sulaiman Kadimi. Pentadbiran Tanah Adat di Negeri Sembilan, halaman 14.

sebagai pemunya pusaka adat yang dituntut atas nama si mati dengan menggunakan borang Jadual B⁹². Beliau juga mestilah menyertakan sekali butir-butir tanah, surat mati, nama waris-waris dan Dato' Lembaga suku si mati.

Selepas CTE 1926, British telah mengadakan satu lagi pindaan undang-undang tanah pada tahun 1930. Mengikut sistem ini, sekiranya tanah dalam daftar Mukim dicatitkan dengan perkataan Customary Land, ia perlu ditadbir mengikut hukum-hukum adat, tetapi jika ia dicatat dengan perkataan Non-Customary Land, ia tidak perlu ditadbir dengan cara adat.

Satu perubahan radikal dan dianggap menyentuh sensitiviti adat ialah bila British menggubal undang-undang pada tahun 1934. Di dalam seksyen 5, tanah adat boleh dikecualikan daripada peraturan adat. Pihak berkuasa boleh mengambil mana-mana tanah adat untuk tujuan pembangunan tanpa tertakluk kepada undang-undang adat. British juga telah mengkaji semula Land Code 1926 dan CTE 1926 dan hasilnya wujudlah Land Code 1936 Cap. 138 dan CTE Cap.215. Semua peruntukan CTE 1926 dan pindaan-pindaan 1930 dan 1932 serta 1934 dikekalkan ke dalam CTE Cap. 215 of the Revised Laws of the FMSS 1936. Undang-undang ini dikuatkuasa ke dalam pentadbiran tanah hingga ke hari ini dengan beberapa pindaan yang wujud dari semasa ke semasa.

Pada tahun 1949, CTE Cap.215 telah dipinda dengan CTE baru. Di bawah CTE baru ini, seksyen 2, CTE dikuatkuasa di Daerah Rembau. Pada 21 Ogos 1952, satu ordinan telah diluluskan tetapi ia tidak membawa sebarang perubahan kepada CTE Cap.215.

⁹² Lihat Lampiran B.

Ia hanya merupakan suatu pemberian bidangkuasa dari Majlis Perundangan Persekutuan kepada Majlis Perundangan Negeri Sembilan berhubung dengan undang-undang pentadbiran tanah.

KESIMPULAN

Pentadbiran British beranggapan hanya dengan melakukan pelbagai perubahan dalam pentadbiran tanah akan dapat mencapai kemajuan dan meningkatkan taraf ekonomi rakyat. Pada pendapat mereka, melalui perlaksanaan undang-undang ala barat barulah pembangunan tanah dan ekonomi dapat dijalankan dengan pesat lagi. British juga melaksanakan pemberian tanah yang liberal untuk menggalakkan kemasukan modal asing.

Perlaksanaan dasar ekonomi yang bebas, pemberian tanah yang liberal dan mengenakan cukai yang rendah ke atas sektor pertanian dan perlombongan serta pertanian telah berjaya menarik ramai pemodal asing ke negeri tersebut. Ini telah mewujudkan penghijrahan penduduk yang berleluasa terutama di kalangan masyarakat Cina yang menceburi sektor perlombongan.

Undang-undang yang dilaksanakan oleh British sebenarnya untuk kemudahan dan keuntungan mereka sahaja. walaupun pada dasarnya British mentadbir Tanah Adat mengikut prinsip Adat Perpatih namun, terdapat pindaan-pindaan yang bertentangan dengan adat telah dijalankan samaada disedari atau tidak oleh masyarakat tempatan. Ordinan (Penyelesaian) Harta Pusaka Kecil atau The Small States (Distribution Ordinance 1955 No.34) telah diperkenalkan untuk menyelesaikan masalah harta pusaka yang nilainya tidak melebihi \$5000. Ia merupakan undang-undang terakhir yang digubal oleh British untuk mentadbir tanah masyarakat adat. Di bawah Seksyen 22, semua harta kepunyaan masyarakat Adat Perpatih dianggap sebagai harta pusaka kecil sama ada nilainya lebih atau kurang daripada

\$5000. Jika pemilik atau salah seorang daripada pemiliknya meninggal dunia, warisnya mestilah membuat permohonan di bawah Akta Pusaka Kecil 1955 sebelum sebarang permohonan untuk mencatatkan perkataan tanah Adat.

KESIMPULAN

Undang-undang pentadbiran Tanah Adat ini di Negeri Sembilan merupakan satu undang-undang yang unik dan perlu dipelihara oleh generasi yang akan datang. Walaupun terdapat beberapa pindaan yang perlu dibuat demi menyesuaikan dengan perubahan zaman, namun ia tidak harus melupakan terus kombinasi adat lama dengan adat baru dan perlu disesuaikan dengan peraturan tanah yang ada sekarang.

Dari perbincangan yang telah dikemukakan bermula dari Bab 1 hingga Bab 5 terdapat pelbagai pandangan yang berlainan tentang Tanah Adat. Falsafah di sebalik undang-undang adat tradisional ialah untuk menjaga kepentingan suku. Jadi, sebarang perubahan atau kelonggaran yang dicadangkan wajar dilakukan jika sekiranya kepentingan suku tidak terjejas. Sebarang undang-undang yang dipinda hendaklah menjaga kepentingan Tanah Adat dan orang Melayu khususnya agar hak mereka tidak akan tergadai. Usaha memulihkan Tanah Adat terbiar perlulah dilakukan dengan lebih giat lagi agar Tanah Adat ini dapat turut sama menyumbang ke arah pembangunan negara pada abad ke dua puluh satu akan datang. Kita seharusnya memastikan agar tidak timbul masalah atau dilema Tanah Adat kerana Tanah Adat sebenarnya bukan penghalang kepada kemajuan negara bahkan merupakan salah satu daripada aset yang bakal turut menyumbang kepada pembangunan negara.

RUJUKAN

- Ahmad Ibrahim, *Islamic Law in Malaya*, Malaysia Sociological Research Institute Ltd, Kuala Lumpur, 1975.
- Abdul Majid Khalid, *Ringkasan Sejarah Luak Rembau*, Batu Hampar, Rembau, Negeri Sembilan, 1995.
- Abdul Rahman Muhammad, *dasar-Dasar Adat Perpatih*, Pustaka Antara, Kuala Lumpur, 1994.
- Abdul Samad Idris, *Adat Merentas Zaman*, Jawatankuasa Penyelidik Budaya, Negeri Sembilan, 1995.
- Abdul Samad Idris, *Hubungan Minangkabau Dengan Negeri Sembilan Dari Segi Sejarah dan Kebudayaanya*, Pustaka Asas Negeri, Seremban, Negeri Sembilan 1970.
- Abdullah Sidik, *Pengantar Undang-Undang Adat di Malaysia*, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1975.
- Asmad, *Kesenian Adat, Kepercayaan dan Petua*, Associated Educational Distributors (M) Sdn Bhd., 1990.
- Azizah Kassim, *Nasab Ibu dan Merantau*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur 1989
- Bagindo Tanameh D.H., *Hukum Adat dan Adat Minangkabau*, N.V Poesako Aseli Jakarta.
- Bushar Muhammad, *Pokok-Pokok Hukum Adat*, PT Prednya Pramitha, Jakarta, 1987.
- Chatib Sulaiman H.B., *The World of Minangkabau Custom*, Ikhwan, Jakarta, 1995
- HM Sidin, *Asal-Usul Adat Resam Melayu*, Pustaka Antara, Kuala Lumpur, 1964.
- Hasniah Hasan, *Hukum Warisan Dalam Islam*, PT Bina Ilmu, Surabaya, 1987.
- IdrusHakimi, *Rangkaian Mustika Adat Basandi Syarak di Minangkabau*, CV ROSDA, Bandung, 1978

Maimunah Manab, Adat Istiadat Perlantikan dan Peranan Buapak di Rembau, Seremban, Negeri Sembilan.

Main Rindam, Tanah Terbiar, Masalah dan Penyelesaiannya Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1994.

Mochtar Naim, Menggali Hukum Tanah dan Hukum Waris Minangkabau, Center for Minangkabau Studies Press, Padang, Indonesia, 1968.

Muhammad Ali as-Shabuni, Hukum Waris Dalam Syariat Islam, Penerbit C.V. Diponegoro, Bandung, 1992.

Musa Fathullah Harun, Masalah Wasiat dan Faraid, Unit Penerbitan Akademik, Universiti Teknologi Malaysia, Johor, 1994.

Nadzan Harun, Pentadbiran Tanah Masyarakat Adat di Kuala Pilah, 1877-1957: Suatu Kajian Dari Perspektif Sejarah Negeri Sembilan, 1994.

Naziruddin Abdullah, Skim Pembangunan Tanah di Malaysia, Satu Cadangan Alternatif, Universiti Islam Antarabangsa, Petaling Jaya, 1990.

Othman Ishak, Hubungan Antara Undang-Undang Islam Dengan Undang-Undang Adat, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1979.

KERTAS KERJA

Abdul Samad Idris, Adat Perpatih, Nilai dan Falasafahnya 'Biar Mati Anak Jangan Mati Adat', Seminar Adat Perpatih Negeri Sembilan, Port Dickson, Negeri Sembilan, 1994, 26-28 Disember.

Kertas Kerja Jabatan Agama Islam Negeri Sembilan (Lampiran A), 1994.

Sulaiman Kadimi, Pentadbiran Tanah Adat di Negeri Sembilan, Kertas Kerja Pejabat Tanah dan Galian, Seremban, Negeri Sembilan, 1990.

Yahya Yusofe, Pembangunan Tanah Adat di Negeri Sembilan, Kertas Kerja Brain Storming, Pembangunan Tanah Adat di Negeri Sembilan, 5-7 Mac 1997, Pulau Langkawi, Kedah.

JURNAL

Nadzmi Harun, Pelaksanaan Peraturan Adat Dalam Sistem Pentadbiran Tanah di Negeri Sembilan, Warisan 18, Jurnal Persatuan Sejarah Malaysia, 1994.

Norazit Selat, Economic Structure and Property Inheritance of Adat Perpatih, Wintrac (WWB/Malaysia) Sdn. Bhd. Malaysia Affiliate, Women's World Banking, Kuala Lumpur, 1994.

Zulkapli Othman, Kepentingan Lagenda dan Mitos dan Kedatangan Minangkabau ke Negeri Sembilan, Warisan 16, Jurnal Persatuan Sejarah Malaysia, 1992.

LATIHAN ILMIAH

Abdul Ghapa Harun, Enakmen Tanah Simpanan, Masyarakat Melayu dan Perlaksanaannya di Negeri Sembilan Hingga 30an, Jabatan Sejarah, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor, 1988.

Afandi Nordin, Undang-Undang Adat Tanah, Jabatan Sejarah Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor.

Che Wan Rohaya bt. Ramly, Tanah Adat di Negeri Sembilan: Satu Kajian Sosio Perundangan, Fakulti Undang-Undang, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor, 1995.

Faradeed Mohd Dom, Persoalan Pembahagian Harta Dalam Adat Perpatih, Jabatan Sejarah, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor, 1978.

Jamilah Harun, Pembahagian Pusaka (Faraid) Menurut Amalan Adat Perpatih Secara Umum, Jabatan Sejarah, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor, 1988.

Nor Aziah Mohd. Yusof, Faktor-Faktor Kewujudan dan Strategi Pembangunan Tanah Terbiar, UKM, Bangi, Selangor.

Norzaimah Ab. Aziz, Keberkesanan Projek Pembangunan Pertanian Negeri Sembilan Timur, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor, 1988.

Rohana Rashidin, Tanah Terbiar Penduduk Melayu, Punca dan Penyelesaiannya di Alor Gajah, Melaka, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor, 1986.

Tunku Shamsul Bahrin, Kemajuan Tanah dan Penempatan Semula di Malaysia, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor, 1986.

Adat Sebagai Warisan Budaya Bangsa, Jabatan Persuratan Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor.

TEMUBUAL

Datuk Muhammad Ghazali, Setiausaha Dewan Keadilan, Seremban, Negeri Sembilan.

Datuk Murtadza, Mufti Negeri Sembilan, Majlis, Agama Islam Negeri Sembilan, Seremban, Negeri Sembilan.

Nik Ahmad Marzuki Nik Muhammad, Peguam Persekutuan, Pejabat Penasihat Undang-Undang, Wisma Negeri Sembilan, Seremban, Negeri Sembilan.

Sulaiman Kadimi, Pegawai Penyelesai Pusaka Kecil, Pejabat Tanah dan Galian, Wisma Negeri, Seremban, Negeri Sembilan.

Usman Lanjung, Datuk Sinda Maharaja, Rembau, Negeri Sembilan.

Zainal Aman, Datuk Mendaliko, Waris Seri Melenggang Empat Ibu, Rembau, Negeri Sembilan.

RESOLUSI REMBAU

Kepada Resident British:

Bahawa dengan sesungguhnya sahaya Dato' Dato' Lembaga yang bersain di bawah ini telah bermesyuarat dengan mendapat sebulat suara berkenaan dengan harta yang dinisbahkan kepada harta carian semuanya itu akan dijalankan mengikut bahagian hukum syarak. Tentang daripada tanah pesaka iaitu tanah O.T yang turun temurun di dalam suku itu tidak dengan dibeli yakni dapat sahaja dijalankan mengikut bahagian adat Rembau juga.

Di bawah surat ini ditandatangani oleh 18 orang Dato' Dato' Lembaga dan disahkan oleh Dato' Undang Luak Rembau. Surat ini bertarikh 10 Disember, 1927.

Pada tahun-tahun 1900 ke atas bermula kedatangan bangsa-bangsa asing ke Kuala Pilah dan disebabkan faktor-faktor ekonomi ada setengah tengah tanah pusaka ini digadaikan kepada bangsa tersebut dan pada akhirnya terlepas ke tangan mereka.

Memandangkan kepada masalah di atas Pentadbir-Pentadbir Inggeris memikirkan supaya satu undang-undang khas diadakan untuk mentadbirkan tanah-tanah pusaka ini.

PTKP.CTE.SEK.10/349/

JADUAL B

KERAJAAN NEGERI SEMBILAN

NOTIS DI BAWAH SEKSYEN 10 ENAKMEN PEMEGANGAN ADAT

(BAB 215)

Notis dengan ini diberi bahawa.....
sebagai pemohon yang tinggal di.....
.....menuntut untuk mewarisi pusaka
adat yang diperihalkan di bawah ini kepunyaan.....
sekarang ini simati dan telah memohon kepada saya untuk merekodkannya di dalam daftar
mukim sebagai tuan punya harta tersebut.

Sesiapa yang mempunyai bantahan atas perintah itu bolehlah membuat bantahan di Pejabat
Tanah, (yang berkaitan) sebelum atau pada..... pukul pagi/petang. Bantahan
selepas tarikh dan masa tersebut tidak akan diterima.

.....
Tarikh

.....
Pentadbir

PERIHAL HARTA PUSAKA

<u>Bil</u>	<u>No. Geran</u>	<u>No. Lot</u>	<u>Mukim</u>	<u>Keluasan</u>	<u>Bahagian simati</u>
-------------------	-------------------------	-----------------------	---------------------	------------------------	-------------------------------